

PEMBANGUNAN MODAL INSAN DALAM KALANGAN FAKIR DAN MISKIN SEBAGAI USAHAWAN: KAJIAN KES DI LEMBAGA ZAKAT SELANGOR

Isma Addi Jumbri¹, Mohamad Zahir Zainudin²

¹Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

²Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

E-mel: isma@utem.edu.my, mzahir@utem.edu.my

ABSTRAK

Terdapat banyak kajian yang menunjukkan bahawa bidang perniagaan dan keusahawanan bukan sahaja menyumbang kepada peningkatan pendapatan per kapita, malah turut bertindak sebagai perubahan struktur sosial dan masyarakat. Islam juga sangat menggalakkan umatnya menceburkan diri dalam bidang perniagaan dan keusahawanan. Berdasarkan prinsip tersebut, terdapat banyak organisasi seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA), Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), kementerian dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) yang memberikan fokus kepada pembangunan modal insan sebagai usahawan. Namun, agak kurang kajian mahupun agensi yang memberikan tumpuan terhadap modal insan dalam kalangan fakir dan miskin ini ke arah mentransformasikan mereka sebagai usahawan. Namun, terdapat segelintir dalam kalangan kita yang melihat kekurangan dan ketidakupayaan golongan ini untuk ditransformasikan sebagai usahawan merupakan satu fantasi dan bukanlah realiti. Oleh itu, tujuan utama kajian ini ialah untuk mengenal pasti pendekatan yang dijalankan oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) dalam membangunkan modal insan dalam kalangan fakir dan miskin seorang usahawan. Golongan fakir dan miskin ini juga dikenali sebagai asnaf. Faktor-faktor yang mendorong asnaf untuk menjadi seorang usahawan dan persepsi mereka terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh LZS juga dikaji. Seramai 32 orang asnaf daripada 70 orang yang sedang giat menjadi usahawan dan juga merupakan penerima bantuan zakat di LZS telah dipilih secara pensampelan rawak. Pengumpulan data menggunakan soal selidik berstruktur. Hasil kajian menunjukkan golongan wanita lebih ramai menerima bantuan memulakan perniagaan daripada LZS berbanding lelaki. Dapatan kajian menunjukkan persepsi golongan asnaf terhadap perkhidmatan LZS dalam membangunkan mereka usahawan adalah di tahap yang sangat baik. Beberapa cadangan bagi memperkasakan pembangunan usahawan dalam kalangan fakir dan miskin dikemukakan kepada LZS mahupun institusi-institusi pengurusan zakat yang lain bagi melaksanakan skim bantuan dalam membangunkan usahawan dalam kalangan asnaf ini. Maka jelaslah bahawa pembangunan modal insan dalam kalangan fakir dan miskin merupakan satu yang realiti dan bukanlah fantasi.

Kata Kunci: zakat, fakir, miskin, asnaf, persepsi, usahawan.

1.0 PENGENALAN

Pembangunan keusahawanan telah mendapat perhatian yang hebat di mata dunia kerana bidang ini bukan sahaja memberikan sumbangan terhadap peningkatan globalisasi dunia, malah turut menyebabkan kejatuhan ekonomi dan pasaran di dunia. Sebagai perbandingan, Malaysia juga turut merasai tempias zaman kejatuhan ekonomi apabila mengalami krisis kewangan pada tahun 1997. Sebahagian besar perusahaan dan kilang terpaksa menutup perniagaan mereka disebabkan daripada kejatuhan ekonomi itu. Secara tidak langsung, fenomena kejatuhan ekonomi turut meningkatkan kadar pengangguran dan kemiskinan di Malaysia.

Kemiskinan telah menjadi agenda yang diberikan keutamaan oleh kerajaan sejak 13 Mei 1969 melalui pengenalan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1971. Terdapat dua objektif utama DEB iaitu menghapuskan kemiskinan tanpa mengira bangsa dan menyusun semula masyarakat supayakekayaan negara dapat diagihkan secara adil dan saksama (Rancangan Malaysia Kedua, 1970). Sehingga kini, isu kemiskinan masih lagi menjadi salah satu cabaran dan halangan ke arah pembangunan negara yang cemerlang, gemilang dan terbilang. Justeru, usaha Lembaga Zakat Selangor (LZS) dalam membangunkan golongan fakir dan miskin atau lebih dikenali sebagai asnaf menjadi usahawan dilihat turut seiring dengan hasrat kerajaan dalam mengurangkan kadar kemiskinan khususnya dalam kalangan Melayu yang beragama Islam.

1.1 Definisi Konsep

Zakat

Zakat atau *al-zakah* dalam bahasa Arab mengandungi pelbagai maksud. Zakat dari segi bahasa bermaksud suci, rahmat, berkembang, subur, pintar, bertambah baik, damai, sedekah dan terpuji. Malah, ia juga boleh diertikan sebagai membersihkan atau menyucikan sepertimana termaktub di dalam Al-Quran. Firman Allah SWT yang bermaksud :

“Kutiplah zakat daripada sebahagian kekayaan mereka, dimana dengan zakat itu kamu membersihkan dan menyucikan mereka.” (At-Taubah: 103)

Yusuf al-Qaradawi (1979), erti zakat dari segi bahasa adalah bertambah dan tumbuh, sedangkan zakat mengikut istilah fekah adalah sejumlah harta tertentu yang diwajibkan oleh Allah SWT dan diserahkan kepada orang-orang yang berhak menerimanya. Terdapat juga pandangan yang menyatakan zakat bererti mengeluarkan jumlah tertentu oleh diri sendiri kerana yang dikeluarkan itu akan menjadi bertambah banyak dan lebih bererti.

Pandangan Ibn Taimiyyah (2003) bersesuaian dengan kenyataan tersebut di mana beliau pernah menyatakan zakat dapat mengembangkan harta yang telah dikeluarkan oleh pemberi zakat dan menjauhkan mereka daripada segala kerosakan sebagaimana katanya:

“Diri dan harta orang yang mengeluarkan zakat menjadi suci dan bersih serta hartanya berkembang secara maknawi.”

Zakat merupakan rukun Islam yang memberi kesan secara langsung bukan hanya kepada hubungan antara manusia dengan Allah SWT sebagai Pencipta, malah hubungan manusia dengan sesama manusia. Malah, zakat sering dikaitkan dengan sembahyang (solah) sepetimana firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan dirikanlah oleh kamu akan solah dan tunaikanlah zakat; dan apa jua yang kamu dahulukan daripada kebaikan untuk diri kamu, tentulah kamu akan mendapat balasan pahala di sisi Allah.” (Al-Baqarah: 110)

Sejarah Islam juga telah membuktikan melalui pelaksanaan institusi dan sistem pengagihan zakat yang sistematik dan efektif mampu untuk membasmi masalah kemiskinan. Misalnya, semasa pemerintahan khalifah Umar Abdul Aziz situasi pada masa itu boleh dianggap sebagai era yang cemerlang, gemilang dan terbilang dalam pengurusan zakat apabila tiada fakir miskin yang layak dihulurkan zakat dan tiada pula yang menuntutnya. Secara tidak langsung, ia memperlihatkan kepada kita bahawa zakat mampu memainkan peranan dalam menyelesaikan dan membasmi kemiskinan yang melanda. Dengan syarat, institusi pengurusan zakat atau Baitulmal ini diperkasakan mengikut syariat Allah SWT yang sebenarnya. Kewujudan Baitulmal di zaman Rasullullah SAW dan Khulafa’ Al-Rasyhidin itu bolehlah dianggap sebagai Kementerian Kewangan dan juga pemacu kepada sistem kewangan Islam. Ini kerana, Baitulmal telah menjadi institusi yang berdaya maju dan proaktif bukan hanya meliputi pengurusan dan pengagihan zakat malah melewati sistem wakaf, hibah, wasiat, bantuan dan pembangunan, dakwah dan aktiviti-aktiviti kebajikan yang lain.

Asnaf

Manakala Asnaf pula merujuk kepada lapan golongan yang berhak menerima agihan dana zakat. Ini secara jelas diterangkan dalam firman Allah SWT yang bermaksud:

“Sesungguhnya sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang fakir, orang miskin, amil-amil yang menguruskannya, orang mualaf yang dijinakkan hatinya, hamba-hamba yang hendak memerdekaan dirinya, orang yang berhutang untuk jalan Allah SWT, orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) daripada Allah SWT dan (ingatlah) Allah SWT Amat Mengetahui Lagi Amat Bijaksana.” (At-Taubah: 60)

Berdasarkan huraian tersebut, *usahawan asnaf* boleh didefinisikan sebagai:

“Individu yang melalui proses penciptaan usaha niaga, mampu memikul tugas, tanggungjawab dan mencuba sebagai peniaga yang dirangsang dengan dorongan dan bantuan daripada institusi zakat.”

Definisi ini merujuk individu merupakan modal insan dalam kalangan asnaf zakat terutama dalam kategori asnaf fakir, miskin dan mualaf yang miskin. Manakala, proses penciptaan usaha niaga yang dimaksudkan dalam definisi tersebut merujuk kepada fasa atau peringkat tertentu yang perlu dilalui sebelum golongan ini menjadi usahawan dengan bantuan, dorongan dan bimbingan daripada institusi zakat.

Usahawan

Terdapat juga pandangan yang mendefinisikan usahawan mengikut peranan yang dimainkan oleh mereka dalam aktiviti ekonomi. Misalnya Baretto (1989) mendefinisikan usahawan sebagai penanggung risiko, spekulator, pemilik, pembuat keputusan, koordinator, innovator dan penimbangtara (*arbitrageur*). Kuratko dan Hodgett (1996) pula, menghuraikan definisi usahawan sebagai penciptaan usaha niaga baru melalui empat dimensi utama iaitu individu, organisasi, persekitaran dan proses yang dibantu oleh rangkaian kerjasama dalam kerajaan, pendidikan dan institusi. Usahawan merupakan satu kumpulan individu yang mampu mempamerkan tahap keyakinan yang tinggi dalam membuat keputusan (Teal dan Carroll, 1999). Menurut Kuehl dan Lambing (2000), perkataan *entrepreneur* berasal daripada bahasa Perancis iaitu *entreprendre* yang bermaksud ‘perantara’ atau ‘pengambil’. Usahawan dilihat sebagai perantara bagi pembekal dan pelanggan di samping menjadi pengambil risiko untuk berjaya dalam perniagaannya.

Menurut Zimmerer dan Sacrborough (1998), usahawan merupakan individu yang mewujudkan perniagaan baru, berhadapan dengan risiko dan ketidakpastian untuk mendapat keuntungan dan pertumbuhan melalui peluang dan sumber-sumber di sekelilingnya. Usahawan sering dikaitkan sebagai pengasas. Perkara ini menurut Manimala (1999), usahawan merujuk kepada satu proses apabila manusia, wang, pasaran, kelengkapan pengeluaran dan pengetahuan digabungkan bersama untuk mencipta perusahaan yang tidak pernah wujud sebelum ini. Selain itu, usahawan juga didefinisikan sebagai seorang individu yang mempunyai satu keperluan atau keupayaan untuk membina dan mencipta sesuatu yang baru (Corman dan Lussier, 2001).

Moha Asri (1999) mendefinisikan usahawan sebagai golongan yang bekerja kuat, mempunyai idea-idea baru, mempunyai daya cipta dan kreativiti yang tinggi, sanggup menghadapi risiko kehilangan harta benda dan berusaha meningkatkan operasi perniagaan mereka. Definisi di atas adalah hampir sama dengan kenyataan oleh Zaidatol

dan Habibah (1997). Menurut mereka, usahawan merupakan seorang yang memulakan, memiliki dan mengurus perniagaannya sendiri serta sanggup menanggung risiko perniagaan. Selain itu, usahawan juga dikenali sebagai seorang yang inginkan kebebasan dalam perniagaan, membuat keputusan sendiri dan seterusnya ingin berjaya atas usaha sendiri. Khairuddin (1996) mendefinisikan usahawan sebagai seorang individu yang merancang, menerajui dan mengurus sebuah perniagaan atau perusahaan. Beliau juga menyatakan usahawan merupakan seorang individu yang berorientasikan tindakan, bersifat kreatif, inovatif, bercita-cita tinggi dan mempunyai wawasan.

Mengikut Corman dan Lussier (2001), usahawan berbeza daripada individu lain. Perbezaan yang menjelaskan seorang usahawan ialah mereka merupakan seseorang yang sukakan kebebasan dan mempunyai keupayaan untuk mengawal, suka mencipta dan membina sesuatu yang baru dan mereka juga berkebolehan untuk menyelesaikan masalah yang kompleks. Mereka juga kuat bekerja dan bersedia untuk memikul tanggungjawab yang berat. Malahan, mereka turut optimistik dan mempunyai keinginan yang kuat untuk mencapai apa-apa yang diingininya sehingga berjaya. Kejayaan perlukan kebolehan, mempunyai perasaan yakin diri dan percaya kepada kebolehan diri sendiri. Juhary dan Ishak (2001) mengatakan usahawan ialah seseorang yang membentuk dan menghasilkan sesuatu daripada keadaan yang tidak wujud. Dengan kata lain, usahawan merupakan seorang individu yang kreatif.

Menurut Zaidatol dan Habibah (1997) usahawan adalah individu yang menujuhkan perniagaan baru. Usahawan perlu mengambil risiko, melaburkan sejumlah wang, usaha dan masa serta menggunakan kreativiti untuk menguruskan perniagaannya. Biasanya, usahawan dikatakan sebagai pengurus yang mempunyai tingkah laku yang positif dan dapat merancang serta mempraktikkan pengurusan yang strategik dalam perniagaan. Usahawan adalah seorang yang mengamalkan sikap ketekunan di dalam melaksanakan kerja. Mereka mempunyai keyakinan diri terhadap apa yang dihajati serta keupayaan meletakkan arah kepada destinasi yang dituju (Sabri, 2002). Dalam konteks kajian ini, usahawan adalah merujuk kepada sesiapa yang melibatkan diri dalam apa-apa jua bidang perniagaan dan menggunakan kreativiti mereka dalam mengurus serta menjayakan perniagaan tersebut. Seseorang yang menjadi usahawan haruslah memiliki beberapa ciri-ciri tertentu yang dapat mendorong mereka untuk menerokai bidang keusahawanan seperti mempunyai daya usaha untuk menceburi dunia perniagaan dan sanggup mengambil risiko.


1.2 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk melihat pendekatan dan merangka model pembangunan usahawan dalam kalangan fakir dan miskin yang dilaksanakan oleh LZS. Selain itu, faktor-faktor yang mendorong mereka menceburi bidang keusahawanan dan pandangan mereka terhadap layanan dan perkhidmatan yang telah diberikan oleh pihak LZS turut dikenal pasti.

2.0 TINJAUAN LITERATUR

Rajah 1 merupakan gambaran pendekatan pembangunan modal insan dalam kalangan golongan fakir dan miskin ini dalam menjadi usahawan mengikut konsep latihan dan pendidikan keusahawanan. Melalui latihan dan pendidikan keusahawanan ini akan dapat memastikan usahawan yang dilahir akan terus bertahan, mempunyai daya saing, menjangka risiko dan seterusnya mengurangkan kegagalan atau kecundungan dalam perniagaan. Rajah 1 merupakan gambaran umum proses yang akan dan telah golongan fakir dan miskin ini lalui sebelum mereka bergelar usahawan. Proses pembangunan usahawan yang menekankan konsep 5P ini dinamakan sebagai Model Pembangunan Usahawan Asnaf (MPUA). Model yang dicadangkan ini diharap akan dapat dijadikan sebagai panduan asas kepada institusi-institusi pengurusan zakat yang lain dalam membangunkan golongan fakir dan miskin yang juga dikenali sebagai asnaf sebagai seorang usahawan.

Menurut Ibrahim dan Saufani (2002), menyatakan bahawa latihan dan pendidikan yang berkesan mampu mengurangkan kegagalan perniagaan. Bukan itu sahaja, latihan juga sangat penting bagi seseorang usahawan untuk berjaya dalam persaingan dan membangunakan strategi perniagaan (Webster, B., Walker, E., dan Brown, A., 2005). Kelima-lima fasa yang menekankan konsep 5P ini saling berkaitan dan memerlukan komitmen yang tinggi terutama pegawai-pegawai zakat LZS yang berada di Jabatan Pembangunan Asnaf dan juga Jabatan Agihan dan Pembangunan Ummah, LZS yang dipertanggungjawabkan dalam memastikan perlaksanaan agihan zakat khususnya dalam melahirkan usahawan asnaf dapat dilaksanakan.



Rajah 1: Model Pembangunan Usahawan Asnaf (MPUA)

Secara ringkasnya, konsep 5P dan fasa yang perlu dilalui oleh setiap asnaf yang bakal bergelar usahawan asnaf dapat dijelaskan seperti berikut:

a) Pendedahan

Fasa ini memberi pendedahan kepada golongan asnaf mengenai aktiviti, peluang keusahawanan yang terbuka luas dan juga motivasi keusahawanan. Mereka juga perlu diberi pendedahan bahawa keusahawanan juga bertindak sebagai pemangkin perubahan struktur social ekonomi.

b) Pendidikan

Pendekatan keilmuan dan pendidikan merupakan mekanisme yang paling berkesan bagi menerapkan budaya keusahawanan. Pendidikan juga meliputi kemahiran, pengetahuan dan sikap untuk membolehkan seseorang individu merancang masa depan dan kemahiran menyelesaikan masalah.

c) Pelaksanaan

Golongan yang mampu menjadi usahawan akan diberikan bantuan modal yang merupakan mekanisme penting dalam merancang dan menjana ekonomi asnaf ke arah menjadi usahawan dan seterusnya keluar dari kepompong kemiskinan.

d) Pemantauan

Fasa ini sangat ditekankan bagi memastikan usaha melahirkan lebih ramai usahawan serta mengeluarkan golongan asnaf daripada kepompong kemiskinan menjadi kenyataan.

e) Pemasaran

Ia merupakan fasa yang penting bagi memastikan usaha usahawan tidak terhenti di pertengahan. Kebanyakan golongan ini mampu menghasilkan produk dan perkhidmatan yang berkualiti tinggi setanding dengan produk lain. Namun pendekatan pemasaran perlu ditingkatkan agar produk mereka setanding dengan produk pesaing lain.

2.1 Jenis Bantuan Modal

Bantuan modal atau lebih dikenali sebagai pemberian modal kepada mereka yang bakal menjadi "usahawan asnaf" turut menjadi mekanisme yang penting dalam merangsang dan menjanakan ekonomi golongan asnaf sendiri ke arah menjadi usahawan, seterusnya keluar dari kepompong kemiskinan. Kapital atau modal adalah masalah yang paling besar bagi perniagaan.

Kekurangan modal dalam kalangan golongan asnaf ini disebabkan beberapa faktor. Antaranya, kekurangan tabung kewangan mereka sendiri kerana kesempitan dan tahap kemiskinan yang menyelubungi mereka. Ini ditambah pula dengan kesukaran golongan

asnaf untuk mendapatkan pinjaman dari bank atau institusi kewangan. Ini kerana agak mustahil dan sukar bagi mereka ini untuk mengemukakan cagaran dan penjamin bagi mendapatkan pinjaman. Menyedari permasalahan ini, LZS mengambil langkah yang proaktif dalam memberikan bantuan kewangan berupa modal kepada mereka yang betul-betul layak dan menepati syarat untuk mendapatkan bantuan modal perniagaan ini.

Prinsip agihan dalam bantuan modal merupakan bantuan zakat yang diaghikan kepada pemohon dari golongan asnaf fakir, miskin dan juga muallaf miskin yang berdaya maju bagi membolehkan mereka menjana sumber pendapatan sendiri dan akhirnya membebaskan mereka dari kelompok asnaf yang memerlukan bantuan. Manakala bentuk bantuan pula merupakan suntikan modal awal untuk menjalankan sebarang jenis perniagaan yang mampu dilaksanakan oleh pemohon dan juga agihan yang disalurkan melalui projek ekonomi yang dirancang oleh LZS yang melibatkan aktiviti usahasama dengan mana-mana pengusaha yang terpilih bagi melahirkan lebih ramai usahawan dalam kalangan fakir dan miskin.

Jadual 1: Bantuan Modal Lembaga Zakat Selangor (LZS)

| SNAF | BENTUK BANTUAN | SYARAT-SYARAT DAN DOKUMEN YANG DIPERLUKAN | BANTUAN YANG DIBERIKAN |
|------------------------------|--|--|---|
| Asnaf Fakir/ Miskin/ Muallaf | <ul style="list-style-type: none"> • Bantuan Modal kepada Individu Pemohon untuk: <ul style="list-style-type: none"> a) Modal Perniagaan b) Modal Perikanan c) Modal Pertanian - Iaitu merupakan bantuan kepada fakir/ miskin/ muallaf miskin yang berdaya maju dan mempunyai kemahiran dalam bidang yang dipohon atau telah menceburि bidang tersebut dengan tujuan memberikan sumber pendapatan bagi membebaskan mereka dari kelompok asnaf. | <ul style="list-style-type: none"> • Telah didaftarkan sebagai golongan fakir miskin Negeri Selangor mengikut kiraan had Kifayah • Mempunyai pengalaman atau potensi untuk menjalankan aktiviti ekonomi yang dipohon. • Bentuk perniagaan yang dipohon adalah dibenarkan dari segi syarak dan undang-undang. • Aktiviti yang hendak dijalankan | <ul style="list-style-type: none"> - Memberikan barang atau perkakasan yang diperlukan untuk memulakan aktiviti ekonomi yang dipohon. - Penyediaan prasarana yang diperlukan seperti tapak sawah, tapak gerai, bengkel dan sebagainya. -Pemberian wang tunai sebagai modal pusingan. |

| | | | |
|--|--|---|--|
| | | <p>adalah milik sendiri atau sekiranya dilaksanakan secara usahasama atau perkongsian. Bahagian pemohon hendaklah sekurang-kurangnya 51 % dari jumlah pegangan saham tersebut.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengemukakan lesen perniagaan sekiranya perlu. • Menandatangani dokumen perjanjian penerimaan bantuan modal Lembaga Zakat Selangor (LZS). | |
|--|--|---|--|

Sumber: Majalah Asnaf, Keluaran Bil 03/ 2003.

2.2 Islam dan Keusahawanan

Islam sangat menggalakkan kepada umatnya agar menceburkan diri dalam bidang keusahawanan. Ini ini dijelaskan dengan sabda Rasullulah SAW yang bermaksud:

Dari pada Rafi' bin Hadij bahawa Rasullulah ditanya mengenai apakah pekerjaan yang paling baik. Rasullulah menjawab "kerja seseorang dengan tangannya sendiri dan perniagaan yang diberkati." (Musnad Ahmad: No. 16628)

Berdasarkan hadis tersebut menjelaskan kepada kita bahawa Islam sangat menggalakkan umatnya bekerja sendiri dan melibatkan diri dalam bidang keusahawanan. Islam juga turut memandang mulia kepada golongan usahawan malah mereka dijanjikan dengan balasan yang baik di akhirat jika mereka benar-benar jujur dan ikhlas serta memahami dan melaksanakan konsep perniagaan yang telah ditetapkan dalam Islam.

Ini dijelaskan dalam hadis lain yang bermaksud:

Abi Sa'id menceritakan bahawa Rasullulah SAW berkata: "Seseorang peniaga yang jujur dan amanah akan bersama nabi-nabi, para siddiqin dan para syuhada." (Sunan Tirmizi: No. 1130)

Islam sangat menyokong dan memberikan ruang yang luas dalam urusan perniagaan, jual beli dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan keusahawanan. Namun, masih terdapat peraturan yang perlu dipatuhi sebagai usahawan sepermulaan firman Allah dalam surah Al-Baqarah, ayat 275 yang bermaksud:

"Padahal Allah telah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharamkan riba."

Islam juga telah mengangkat darjah usahawan Muslim sehingga mereka dipandang mulia, bertamadun dan berakhlak. Dengan syarat, amalan keusahawanan dan perniagaan yang dijalankan adalah bersandarkan kepada sistem yang telah digariskan dalam ajaran Islam. Melalui kaedah ini, sistem dan amalan perniagaan lebih sistematik dan beretika. Misalnya, seseorang Islam yang menjalankan perniagaan dan apabila melibatkan transaksi berhutang ia digalakkan mencatat atau menulis segala transaksi yang berlaku. Ini ditegaskan dalam firman Allah, surah Al-Baqarah ayat 282 yang bermaksud:

"Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang-piutang yang diberi tempoh hingga ke suatu masa yang tertentu, maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu. Dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menulisnya dengan adil (benar)."

Sejarah telah membuktikan keusahawanan mampu membentuk peribadi mulia terutama dalam menyedari akan tanggungjawab sosial dalam kalangan usahawan muslim. Abdul Rahman Auf yang terkenal sebagai usahawan masyhur telah sanggup menyumbangkan sebahagian keuntungan hasil perniagaan ke jalan Allah. Begitu juga Saidina Uthman Affan yang telah menyumbang barang dagangan seperti gandum, minyak dan kismis yang dianggarkan sejumlah muatan 1,000 ekor unta kepada umat Islam semasa pemerintahan Saidina Abu Bakar dilanda kemelesetan ekonomi. Firman Allah dalam surah Adz-Dzaariyat ayat 19 yang bermaksud:

"Dan pada harta-harta mereka, (ada pula bahagian yang mereka tentukan menjadi) hak untuk orang miskin yang meminta dan orang miskin yang menahan diri (daripada meminta)."

Oleh itu, pembangunan usahawan dalam kalangan asnaf fakir dan miskin dengan menggunakan dana zakat dilihat sangat perlu dalam mendepani arus globalisasi dan seterusnya mengeluarkan golongan modal insan ini daripada kepompong kemiskinan.

3.0 METODOLOGI

Kajian ini dibuat terhadap 70 orang usahawan dalam kalangan asnaf yang aktif dalam senarai penerima bantuan perniagaan dana zakat Lzs. Daripada populasi tersebut, 32 orang usahawan dalam kalangan fakir dan miskin yang telah dibangunkan oleh Lzs telah dipilih secara rawak. Kuota sampel telah ditetapkan mengikut 9 daerah utama di negeri Selangor iaitu Petaling, Klang, Gombak, Hulu Langat, Sepang, Kuala Langat, Kuala Selangor, Hulu Selangor dan Sabak Bernam.

4.0 KEPUTUSAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Jenis-jenis Perniagaan

Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada responden, dan data tersebut dianalisis serta dikategorikan. Secara umum dapatan kajian menunjukkan bahawa program transformasi modal insan di kalangan asnaf sebagai usahawan boleh direalisasikan. Melalui Jadual 2, dapat dilihat bahawa kebanyakannya daripada responden menjalankan perniagaan/perusahaan lain-lain seperti membawa teksi sendiri, kedai bakeri, penternakan, pertanian, lori bergerak, membuka bengkel kereta dan membuka taska/nurseri iaitu seramai 11 orang.

Jadual 2: Jenis perniagaan / perusahaan

| | Kekerapan | Peratus | Peratus Sebenar | Jumlah Peratus |
|-------------------------------|-----------|--------------|-----------------|----------------|
| Makanan dan Minuman | 7 | 21.9 | 21.9 | 21.9 |
| Kain dan Pakaian | 2 | 6.2 | 6.2 | 28.1 |
| Ubat tradisional dan kosmetik | 2 | 6.2 | 6.2 | 34.4 |
| Kedai dobi | 1 | 3.1 | 3.1 | 37.5 |
| Kedai runcit | 4 | 12.5 | 12.5 | 50.0 |
| Jahitan | 5 | 15.6 | 15.6 | 65.6 |
| Lain-lain (nyatakan) | 11 | 34.4 | 34.4 | 100.0 |
| Jumlah | 32 | 100.0 | 100.0 | |

Kemudian diikuti oleh perusahaan kecil seperti mengusahakan kedai dengan makanan dan minuman (7 orang), jahitan (5 orang). Hanya sebilangan kecil daripada usahawan

asnaf yang terlibat dalam mengusahakan kedai dan pakaian, ubat tradisional dan kosmetik (2 orang) serta kedai dobi (1 orang). Ini memperlihatkan kepada kita bahawa LZS berjaya membangunkan usahawan dalam kalangan asnaf.

Manakala jika dilihat daripada aspek prestasi perniagaan mereka berbanding tahun lepas (2009) selepas menerima bantuan zakat menunjukkan peningkatan yang positif. Hasil kajian menunjukkan majoriti perniagaan yang dijalankan oleh golongan asnaf ini mengalami peningkatan dan hanya 9 orang (28.12%) daripada keseluruhan responden tidak mengalami perubahan dalam prestasi perniagaan mereka. Berdasarkan analisis, didapati sebahagian besar daripada responden mendapat untung bersih bulanan sebanyak RM1000 – RM2000 iaitu seramai 18 orang (56.25%) dan hanya seramai 14 orang (43.75%) yang mendapat pendapatan bulanan RM1000 ke bawah.

Menurut responden, mereka masih belum dapat menjana pendapatan yang lumayan kerana mereka masih baru dalam bidang keusahawanan ini. Mereka juga menyatakan bahawa mereka masih dalam tempoh mempelajari bidang perniagaan dan faktor pesaing dalam perniagaan yang mereka ceburi juga menjadi faktor penyumbang terhadap perkara tersebut. Kebanyakan mereka berupaya dan mampu menjana pendapatan bulanan bersih RM1000 – RM2000 dan ke atas adalah mereka yang telah berkecimpung dalam bidang perniagaan melebihi tiga tahun. Ini memperjelaskan kepada kita bahawa usaha yang berterusan daripada pihak LZS adalah sangat penting dalam merangsang usahawan asnaf agar terus maju dalam perniagaan.

Hasil kajian Jadual 3, juga menunjukkan majoriti responden mengatakan modal yang diberikan oleh pihak LZS mencukupi dengan kekerapan seramai 30 orang (93.75%) dan selebihnya seramai 2 orang (6.25%) mengatakan modal yang diberikan oleh pihak LZS tidak mencukupi selepas menjalankan perniagaan. Responden mengatakan modal yang diberikan oleh pihak LZS mencukupi jika mereka membuat perancangan yang terbaik sebelum mulakan perniagaan dan tidak menggunakan modal yang diberikan untuk perbelanjaan yang tidak sepatutnya. Adalah dimaklumkan, modal yang diberikan kepada usahawan asnaf ini adalah berbeza mengikut keperluan dan jenis perniagaan yang bakal atau sedang dijalankan.

Jadual 3: Keperluan modal mencukupi

| | Kekerapan | Peratus | Peratus Sebenar | Jumlah Peratus |
|---------------|-----------|--------------|-----------------|----------------|
| Ya | 30 | 93.8 | 93.8 | 93.8 |
| Tidak | 2 | 6.2 | 6.2 | 100.0 |
| Jumlah | 32 | 100.0 | 100.0 | |

Oleh itu, jelaslah bahawa usaha LZS dalam melahirkan golongan usahawan asnaf ini boleh dikatakan berkesan dan pendekatan yang digunakan oleh LZS bukan sia-sia bahkan jika ditadbir urus dengan cekap tanpa ketirisian pastinya usaha ke arah pembasmian kemiskinan di negeri Selangor akan dapat direalisasikan.

4.2 Faktor-faktor Pendorong Menceburi Bidang Keusahawanan

Dapatkan kajian menunjukkan elemen yang paling mempengaruhi kejayaan usahawan asnaf berdasarkan persepsi responden ialah elemen rangsangan daripada kejayaan orang lain. Ia diikuti dengan kehidupan yang sederhana, galakan yang diberikan oleh pihak LZS untuk menjadi usahawan sebagai sumber pendapatan, ingin keluar daripada belenggu kemiskinan dan ingin mencapai cita-cita sebagai seorang usahawan dan tidak layak bekerja makan gaji.

Hasil kajian yang telah dijalankan terhadap 32 orang usahawan asnaf menunjukkan hampir keseluruhan responden melibatkan diri dalam bidang perniagaan kerana melihat kejayaan orang lain dan menginginkan kejayaan tersebut juga menjadi milik mereka.

4.3 Cadangan Memperkasakan Pembangunan Usahawan Asnaf

4.3.1 Memperkenalkan latihan industri bagi mewujudkan semangat dan minat keusahawanan

Melalui latihan industri dengan mendedahkan golongan asnaf dengan dunia perniagaan dianggap satu mekanisme yang penting dalam mendorong dan menggalakkan mereka menceburi bidang perniagaan yang bukan sahaja akan dapat meningkatkan pendapatan per kapita, malahan bertindak sebagai pemangkin perubahan struktur sosial dan masyarakat. Ini secara tidak langsung mampu mengeluarkan mereka dari belenggu kemiskinan yang melanda mereka. Latihan industri juga dilihat akan dapat mewujudkan semangat dan menanamkan minat dalam bidang keusahawanan.

4.3.2 Mempelbagaikan bidang keusahawanan atau bidang perniagaan kepada golongan asnaf

Bidang keusahawanan perlulah dipelbagaikan dalam semua bidang terutama bidang yang masih belum ramai golongan bumiputera dan masyarakat Islam di Malaysia menceburkan diri. Misalnya, bidang membaiki barang elektrik dan elektronik, bengkel membaiki kereta dan motosikal, perkhidmatan tayar kenderaan, perkhidmatan pencetakan dan pelbagai bidang yang masih belum diterokai sepenuhnya.

4.3.3 Memantapkan peranan KUAZ

Peranan Kumpulan Usahawan Asnaf Zakat (KUAZ) perlu diperluaskan lagi dengan mengadakan pelbagai aktiviti yang dapat menarik lebih ramai golongan asnaf menceburkan diri dalam bidang perniagaan dan bersama menjadi usahawan. KUAZ juga perlu turut aktif dalam bersama dengan Lembaga Zakat Selangor (LZS) dalam

melahirkan lebih ramai "usahaawan asraf". Sistem pengurusan dan pentadbiran KUAZ juga perlu lebih sistematik dan profesional. KUAZ juga perlu aktif bersama Lzs dalam merangka pelan perancangan bagi meningkatkan bilangan ahli dari semasa ke semasa.

4.3.4 Mempromosikan produk-produk yang dikeluarkan

Bagi memastikan produk-produk yang dikeluarkan oleh usahawan asraf mampu bersaing. Aktiviti pemasaran perlu diperluaskan sama ada di pasaran tempatan maupun luar negara. Tanpa aktiviti pemasaran yang berkesan dan mantap produk-produk mereka sukar bersaing dan sukar untuk meneruskan kelangsungan perniagaan mereka. Ini juga dapat dilaksanakan dengan memperluaskan jaringan perniagaan (*networking*) bagi memastikan produk keluaran usahawan asraf ini mempunyai pasaran yang luas.

4.3.5 Memantap dan meningkatkan program pemantauan dan jejak usahawan asraf

Bagi memastikan aktiviti keusahawanan yang dijalankan oleh Lzs berkesan dan mencapai objektif yang disasarkan. Lzs perlu memantap dan meningkatkan program pemantauan dan penilaian pencapaian terhadap program-program yang telah dijalankan. Aktiviti atau program jejak usahawan perlu juga dilaksanakan bagi mengenal pasti setiap peserta yang telah menyertai program usahawan asraf ini. Melalui pendekatan ini, kelemahan yang timbul sepanjang program melahirkan usahawan asraf ini dapat diperbaiki dan dipertingkatkan.

4.3.6 Meningkatkan program karnival atau ekspo

Program karnival maupun ekspo yang berterusan akan dapat memberi ruang dan peluang kepada usahawan asraf bagi memasarkan produk-produk keluaran mereka. Ini secara tidak langsung memberikan pendedahan kepada mereka realiti perniagaan yang bakal mereka hadapi nanti. Melalui ekspo maupun karnival tersebut usahawan asraf akan dapat menilai kemampuan mereka bersaing serta pengalaman yang diperolehi akan dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan dan juga produk keluaran mereka.

4.3.7 Meningkatkan program dan modul pembangunan usahawan

Pegawai-pegawai Lzs yang bertanggungjawab dalam melaksanakan program keusahawanan ini perlu diberikan pendedahan yang meluas terutama aktiviti-aktiviti atau sietem melahirkan usahawan yang telah atau sedang diamalkan oleh negara lain. Melalui pendekatan ini, Lzs akan sentiasa lebih kreatif dan inovatif dalam merangka pelbagai strategi untuk meningkatkan bilangan ushawan asraf di negeri Selangor.

5.0 KESIMPULAN

Sebagai rumusannya, satu pendekatan yang lebih komprehensif perlu dirangka bagi merealisasikan transformasi modal insan dalam kalangan asraf sebagai usahawan. Berdasarkan hasil analisis yang telah dikemukakan, didapati bahawa penglibatan dan minat golongan usahawan asraf terhadap bidang perniagaan adalah tinggi. Umumnya,

majoriti mereka menceburi bidang perniagaan kerana ingin mendapatkan pendapatan bagi menyara kehidupan dan keluar daripada kepompong kemiskinan. Bidang keusahawanan juga dilihat sebagai kaedah bagi memperolehi pendapatan sampingan untuk meningkatkan taraf hidup. Ini secara tidak langsung membuktikan bahawa transformasi usahawan dalam kalangan asnaf sebagai usahawan bukanlah fantasi tetapi merupakan realiti.

RUJUKAN

- Abdullah. (2001). *Panduan Menyempurnakan Zakat*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- Anastasi, A. (1982). *Psychological testing* (Ed. ke-5). New York: Collier MacMillan Publishing Company.
- Ataul-Haq, Pramanik. (1993). *Development and Distribution in Islam*, Petaling Jaya: Pelanduk Publications.
- Barjoyai Bardai. (2000). *Keusahawanan dan Perniagaan – Bahagian 1*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bird, B.J. (1989). *Entrepreneurial Behavior*. England: Scott, Foreman & Company.
- Collins, L., Hannon P.D. and Smith, A. (2004). Enacting Entrepreneurial Intent: The Gap Between Students Needs and Higher Education Capabilities. *Education & Training*, 46(8/9): 454-463.
- Corman, J. and Lussier, R. N. (2001). *Entrepreneurial New Ventures*. Australia: Dame / Thomson Learning.
- Imtiazi I. A., Mannan M.A., Niaz M.A. and Deria A.H. (eds.). (1989). *Management of Zakat in Modern Muslim Society*. Jeddah: Islamic Research and Training Institute, IDB.
- Isma Addi Jumbri. (2007). *Usahawan Asnaf Basmi Miskin Tegar*. Dalam Utusan Malaysia On-Line, <http://www.utusan.com.my/utusan/info>, 22 Mei 2007.
- Khaairuddin Khalil. (1996). *Keusahawanan Sebagai Kerjaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khairuddin Khalil. (1996). *International Management*. Upper Saddle River, N. J: Prentice - Hall.
- Kahf, Monzer. (1999). *The Performance of the Institution of Zakat I Theory and Practice*, Paper presented in the International Conference on Islamic Economics in the 21st Century, held in Kuala Lumpur, 9-12 August 1999.
- Kuehl, C. R and Lambing, P. (2000). *Entrepreneurship*. Edisi Ketiga. Upper Saddle River, New Jersey: Prentice - Hall.
- Lambing P.A, Kuehl C.R. (2003). *Entrepreneurship: Third Edition*. Prentice Hall. New Jersey: Prentice - Hall.

- Manimala, M.J. (1999). *Entrepreneurial Policies and Strategies*. India: Sage Publications.
- Moha Asri Abdullah. (1999). *Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mahmood Zuhdi Abd Majid. (2003). *Pengurusan Zakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Morisson, A. (2000). Entrepreneurship : What Triggers It? *International Journal of Entrepreneurial Behavior and Research*, 6: 59.
- Ronstadt,R.C. (1985). The Educated Entrepreneurs: A New Era of Entrepreneurship Education is Beginning. *American Journal of Small Business*, 10(1).
- Stevenson, L.A. (1986). Against All Odds: The entrepreneurship of women. *Journal of Small Business Management*: 30-36.
- Tarimin, Mujaini. (2005). *Zakat Menuju Pengurusan Profesional*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd.
- Teal, E. J. and Carroll, A. B. (1999). *Moral Reasoning Skills: Are Entrepreneurs Different?* *Journal of Business Ethics* 19: 229 – 240.